



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SEPTEMBER 2026



“TUNTUTAN INTEGRITI DALAM MEMBINA NEGARA YANG DIBERKATI”

4 SEPTEMBER 2026M / 22 RABIULAWAL 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Islam sangat menitikberatkan nilai integriti dalam kehidupan manusia. Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), integriti didefinisikan sebagai kejujuran, ketulusan, kesempurnaan, dan keutuhan peribadi.

Integriti merupakan asas penting dalam membina masyarakat dan negara yang maju serta diberkati Allah ﷻ. Tanpa integriti, akan lahirlah gejala rasuah, pecah amanah, penipuan, salah guna kuasa dan pengabaian tanggungjawab.



Integriti bukan sekadar slogan atau dasar pentadbiran, bahkan merupakan tuntutan agama yang akan dipersoalkan oleh Allah ﷻ pada hari akhirat.

Firman Allah ﷻ dalam Surah an-Nisa', ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Yang bermaksud; “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*”

Ayat ini memberi peringatan jelas bahawa setiap amanah hendaklah dilaksanakan dengan penuh kejujuran, keikhlasan dan rasa takut kepada Allah ﷻ.

Namun, realiti yang berlaku pada hari ini amat mendukacitakan dan harus menjadi tamparan kesedaran buat kita. Menurut statistik yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), seramai 2,208 orang penjawat awam telah ditahan atas kesalahan rasuah bagi tempoh tahun 2020 hingga 2024. Malah, semakin ke atas Laporan Ketua Audit Negara juga sering kali mendedahkan kerugian wang awam yang mencecah ratusan juta ringgit setiap tahun akibat ketirisan dan kelemahan tatakelola.



Gejala buruk ini bukan sahaja merosakkan sistem pentadbiran negara, malah ia merompak hak rakyat dan mengundang kemurkaan Allah ﷻ.

Firman Allah ﷻ dalam Surah al-Baqarah, ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ

Yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang lain antara kamu dengan jalan yang salah.”*

Ayat ini dengan jelas melarang umat Islam daripada mengambil harta secara batil melalui rasuah, penipuan, penyelewengan dan penyalahgunaan amanah. Oleh yang demikian, setiap individu hendaklah membina sifat amanah bermula daripada diri sendiri, keluarga, tempat kerja dan masyarakat dengan tidak terlibat sebagai pemberi atau penerima rasuah, pelaku penyelewengan dan salah guna kuasa.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ,

Kerajaan melalui Jabatan Audit Negara yang telah menjangkau lebih satu abad, berterusan memperkukuh tadbir urus, integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan negara untuk memastikan setiap dana awam diurus dengan penuh amanah demi kesejahteraan rakyat. Apatah lagi banyak kes penyelewengan yang telah dan sedang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melibatkan sektor awam dan swasta. Hakikatnya, setiap usaha yang bertujuan memelihara amanah, menegakkan ketelusan dan mencegah penyelewengan merupakan nilai yang sangat selari dengan tuntutan Islam.



Tugas memelihara amanah rakyat bukanlah suatu tugas yang ringan. Setiap perbuatan dan keputusan yang melibatkan hak rakyat akan dipersoalkan di hadapan Allah ﷻ.

Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Yang bermaksud: *“Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpinnya.”*

Hadis ini mengingatkan kita bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing yang harus dipikul dengan jujur dan tulus ikhlas serta perlu mempunyai kebertanggungjawaban (akauntabiliti) terhadap peranan masing-masing. Penjawat awam, pemimpin, pekerja, peniaga dan anggota masyarakat semuanya memikul amanah yang perlu dilaksanakan dengan jujur dan adil.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ,

Sesungguhnya kemajuan negara bukan hanya bergantung kepada pembangunan fizikal semata-mata, tetapi turut bergantung kepada kekuatan akhlak dan integriti rakyatnya.

Masyarakat yang berintegriti akan melahirkan pentadbiran yang baik, ekonomi yang stabil dan kehidupan yang diberkati Allah ﷻ.

Sehubungan itu, sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini, marilah kita pasakkan empat (4) pengajaran penting dalam diri kita:



Pertama: Jadikan amalan memelihara budaya integriti sebagai perisai kehidupan dan bukti ketakwaan kepada Allah;

Kedua: Jangan sekali-kali berkompromi, dan tolaklah segala bentuk tawaran dan permintaan rasuah, penipuan serta penyelewengan di tempat kerja mahupun dalam urusan peribadi;

Ketiga: Hidupkan semangat *amar makruf nahi mungkar* dengan berani tampil ke hadapan untuk menegur dan melaporkan sebarang bentuk ketirisan kepada pihak bertanggungjawab; dan

Keempat: Niatkan setiap kerjaya kita sebagai satu ibadah dan laksanakanlah ia dengan ketelusan demi kemaslahatan seluruh rakyat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.